

Jadikan amanat Presiden panduan utamakan agenda pembangunan Melayu

Oleh ARSHAD KHAN

UM - 22/9/2004: 2 *perdana*

KUALA LUMPUR 21 Sept. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan para perwakilan agar memberikan penumpuan kepada isu-isu pokok yang berkaitan dengan agenda pembangunan orang Melayu sepanjang Perhimpunan Agung UMNO ke-55.

Dalam amanatnya kepada para perwakilan pada majlis Taklimat Pemangku Presiden sempena Perhimpunan Agung UMNO 2004 di sini hari ini, Abdullah turut mengingatkan para perwakilan agar melaksanakan amanah mereka sebagai pemimpin parti demi membela masa depan orang Melayu.

Naib Presiden UMNO, **Tan Sri Muhyiddin Yassin** ketika ditanya mengenai amanat yang disampaikan oleh Abdullah itu berkata, Pemangku Presiden itu mahu UMNO terus kekal sebagai wadah perjuangan yang menjamin masa depan bangsa Melayu.

“Saya yakin ini (amanat) dijadikan panduan kepada perwakilan untuk memberi penumpuan kepada isu-isu utama, isu yang boleh menentukan hala-tuju masa depan orang Melayu dan negara kita,” katanya.

Seorang lagi Naib Presiden, **Tan Sri Muhammad Muhd. Taib** berkata, Pemangku Presiden UMNO turut menekankan pentingnya usaha itu dicetuskan oleh UMNO, sebagai parti yang mewakili orang Melayu.

Beliau berkata, Abdullah mahu supaya orang Melayu maju dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, pendidikan dan sosial supaya mereka menjadi bangsa yang disegani di peringkat antarabangsa.

Disegani

“Pak Lah tadi rasa tidak puas hati tentang pencapaian kita setakat ini, kita pergi ke sekolah yang sama, makan makanan yang sama tetapi ada kaum lain yang lebih maju daripada orang Melayu,” katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, **Datuk Hishamuddin Tun Hussein** berkata, antara yang ditekankan ialah jawatan dan kuasa yang ada itu adalah sementara serta tidak boleh melihatnya sebagai satu keistimewaan.

“Apa yang ingin dikatakan oleh Pemangku Presiden ialah nilai seseorang pemimpin itu adalah berdasarkan prinsip pegangan mereka,” katanya.

Sementara Ketua Puteri UMNO, **Datuk Azalina Othman Said** berkata, para perwakilan diingatkan supaya memilih pemimpin yang benar-benar jujur dan ikhlas berjuang untuk memajukan bangsa Melayu.

Beliau berkata, Abdullah menekankan bahawa hanya pemimpin yang jujur dan berwawasan dapat membantu orang Melayu untuk maju dan berdaya saing dengan bangsa lain.

Bagi calon Naib Presiden, **Datuk Seri Mohd. Ali Rustam** ucapan Pemangku Presiden hari ini perlu dihayati betul-betul oleh orang Melayu terutamanya melibatkan pencapaian mereka dalam ekonomi.

“Walaupun mencapai tahap yang membanggakan, Pak Lah mengingatkan banyak lagi perkara yang kita perlu lakukan,” katanya.

Datuk Mustapha Mohamed yang juga calon Naib Presiden UMNO, berkata, amanat itu adalah sesuatu yang membanggakan kerana ia menggambarkan betapa agenda Melayu akan terus diperjuangkan.

“Satu ucapan yang amat membanggakan kita bahawa agenda Melayu akan terus diperjuangkan di samping strategi untuk memantapkan sektor pertanian,” katanya.

Seorang lagi ahli MT yang juga calon Naib Presiden, **Datuk Shahrir Samad** berkata, Abdullah mengingatkan para pemimpin parti bahawa kuasa yang diberikan kepada mereka merupakan amanah daripada para perwakilan dan ahli parti.



ABDULLAH Ahmad Badawi melambaikan tangan kepada para perwakilan UMNO yang memenuhi Dewan Merdeka sambil diperhatikan oleh Najib Tun Razak sejurus tiba untuk menyampaikan Taklimat Presiden menjelang Perhimpunan Agung UMNO ke-55 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

“Amanah itu harus dipegang baik dan sentiasa berasaskan kepada perjuangan untuk Melayu, agama dan negara,” katanya.

Ketua UMNO Bahagian Rantau yang juga calon Majlis Tertinggi (MT), **Datuk Seri Mohamad Hasan** berkata, amanat pemangku Presiden itu penting dihayati jika orang Melayu mahu terus *relevan* pada masa-masa akan datang.

“Orang Melayu juga diingatkan bahawa hak untuk memerintah negara yang diberikan kepada bangsa Melayu kini hanyalah satu bentuk ‘keizinan’ kepada kita,” katanya yang juga Menteri Besar Negeri Sembilan.

Pertanian

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor, **Datuk Abdul Ghani Othman** berkata, Abdullah dalam amanatnya menekankan bahawa sokongan yang diberikan oleh rakyat berbilang kaum menjadi kayu ukur kepada kekuatan UMNO.

Justeru katanya, Abdullah meminta setiap ahli memastikan UMNO berupaya meneruskan kesinambungan perjuangan parti itu terutama dalam soal menajayakan agenda orang Melayu.

Calon Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, **Khairy Jamaludin** berkata, turut ditekankan ialah kriteria pemimpin yang perlu dipilih oleh para perwakilan.

“Beliau mahu agar para perwakilan memilih pemimpin-pemimpin yang beramanah, komited pada perjuangan UMNO dan mampu membawa pendekatan yang baru untuk menghadapi masalah-masalah dalam orang Melayu,” katanya.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, **Datuk Salleh Tun Said Keruak** berkata, amanat pemangku Presiden UMNO itu bukan sahaja perlu dihayati sebaliknya ‘dipikul’ sebagai satu amanah oleh ahli-ahli.

Bagi Ketua UMNO Bahagian Beaufort, Sabah, **Datuk Lajim Ukin**, selain soal kekuatan parti, Abdullah turut memberi penekanan terhadap sikap orang Melayu pada hari ini.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), **Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir** berkata, peringatan Perdana Menteri itu sewajarnya menjadi pegangan setiap pemimpin UMNO dalam memperjuangkan nasib orang Melayu.

Calon MT, **Datuk Seri Anuar Musa** berkata, apa yang diperkatakan oleh pemangku Presiden hari ini memperingatkan buat kesekian kalinya kenapa UMNO diwujudkan.

Calon MT, **Datuk Abdul Aziz Shamsuddin** menyifatkan ucapan pemangku Presiden kali ini adalah satu ucapan yang lahir daripada isi hatinya.

Exco Pemuda UMNO, **Datuk Dr. Zambry Abdul Kadir** berkata, ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada majlis Taklimat Presiden hari ini yang menyentuh pelbagai perkara, perlu dihalusi dan dihayati sepenuhnya.